


FAQ bagi SVM (Sijil) Kolej Vokasional Sungai Buloh – Kurikulum

1. Berapa lamakah tempoh pengajian SIJIL (SVM) yang ditawarkan di Kolej Vokasional Sungai Buloh?

Tempoh pengajian bagi Sijil (SVM) adalah 2 tahun.




2. Bagaimanakah struktur program (kursus-kursus atau subjek) yang ditawarkan bagi Sijil (SVM) di Kolej Vokasional Sungai Buloh?

Pengajian bagi tahap Sijil (SVM) memerlukan pelajar untuk mengambil atau mempelajari mata pelajaran akademik yang terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral dan Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJPK). Manakala, mereka juga perlu mempelajari mata pelajaran Program Vokasional dimana, kursus-kursus vokasional adalah mengikut program/bengkel masing-masing setiap semester.

3. Adakah takwim pengajian Sijil (SVM) di Kolej Vokasional Sungai Buloh sama dengan sekolah arus perdana (sekolah harian biasa)?

Tidak. Berikut adalah takwim pengajian bagi SVM di Kolej Vokasional;



4. Apakah syarat kemasukan pelajar ke kolej vokasional Sungai Buloh?

Terdapat dua syarat kemasukan pelajar iaitu syarat umum dan syarat khusus. Bagi syarat umum, pelajar haruslah :

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Bersekolah di sekolah Kerajaan/sekolah bantuan Kerajaan di bawah kelolaan KPM
- iii. Menduduki Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pada tahun semasa yang merangkumi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPSi)
- iv. Menduduki Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) KPM.
- v. Sihat tubuh badan
- vi. Tiada sebarang kecacatan atau kecederaan atau sejarah penyakit atau penyakit-penyakit yang menghadkan, membataskan dan menyukarkan pelaksanaan amali
- vii. Tidak rabun warna/buta warna (tertakluk kepada keperluan program)
- viii. Bebas daripada masalah mental
- ix. Berminat dengan program yang dipohon.

Manakala bagi **syarat khusus** pula, pelajar perlu sekurang-kurangnya tahap penguasaan 3 bagi mata Pelajaran ;

- Bahasa Melayu
- Bahasa Inggeris
- Sains
- Matematik
- Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) atau Asas Sains Komputer (ASK)

5. Saya adalah pelajar kolej vokasional dan baru sahaja di dapati mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan saya untuk berehat, bagaimanakah cara untuk saya membuat penangguhan pengajian?

Pelajar hanya boleh diberikan kelulusan status penangguhan pengajian dengan kelulusan JKA KV (Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional) . JKA KV perlu memaklumkan kepada unit Pengurusan Murid untuk mendapatkan kelulusan dan pengesahan Pengarah BPLTV. Selain itu, pelajar yang ingin membuat penangguhan pengajian **perlu disahkan oleh pegawai perubatan hospital kerajaan. Tempoh penangguhan adalah tertakluk kepada kelulusan JKA KV.**

6. Bagaimanakah seseorang pelajar boleh digantung pengajian?

Pelajar boleh digantung pengajian setelah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin KV dan disahkan oleh JKA KV. Tempoh penggantungan adalah tertakluk kepada Keputusan Lembaga Disiplin KV mengikut garis panduan yang sedang berkuat kuasa. Pelajar tidak boleh meneruskan pengajian dan tidak boleh berada di KV sepanjang tempoh penggantungan.

7. Bagaimanakah sekiranya anak saya tidak layak untuk mendapat SVM?

Pelajar yang gagal memenuhi syarat pengajian SVM boleh meneruskan pengajian dalam program yang sama di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sepenuhnya.

8. Saya baru sahaja ditukarkan ke tempat kerja yang baru, bagaimanakah cara untuk anak saya menukar tempat pengajiannya?

Pelajar perlu mendapat kelulusan daripada BPLTV bagi tujuan pertukaran tempat pengajian kolej vokasional atau ke sekolah menengah. Pelajar yang ingin menukar kolej vokasional yang lain **WAJIB** menyelesaikan PB terlebih dahulu. Selain itu, kolej vokasional semasa perlu menyerahkan semua dokumen petaksiran pelajar yang lengkap kepada kolej vokasional yang baharu. Pertukaran tempat pengajian ke kolej vokasional yang lain **tidak dibenarkan selepas**

minggu kelapan pengajian kecul mendapat kelulusan khas daripada BPLTV. Surat akuan pengajian pelajar dikeluarkan oleh kolej vokasional semasa. Namun, jika pelajar ingin ke sekolah menengah, pelajar perlu mendapatkan kelulusan oleh Pendaftar Sekolah di JPN.

9. Bolehkah pelajar menukar program ketika dalam pengajian?

Pelajar tidak dibenarkan menukar program yang ditawarkan kecuali kes-kes tertentu sahaja dengan kelulusan BPLTV.

10. Bagaimanakah pentaksiran dan penilaian Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dilaksanakan?

Pentaksiran dan penilaian dilaksanakan melalui Pentaksiran Berterusan (PB) dan Penilaian Akhir (PA).

i. Pentaksiran Berterusan (PB)

- PB dilaksanakan sepenuhnya oleh kolej vokasional berdasarkan KSKV (MPA) dan DPSK (MPPV) yang telah ditetapkan.
- PB dirancang, ditadbir, dinilai dan dilaporkan secara terancang mengikut Panduan Pengurusan Pentadbiran SVM.
- PB juga dilaksanakan oleh pensyarah semasa PdP.
- Markah PB yang telah disahkan oleh JKA KV pada setiap semester perlu dihantar melalui sistem APKV mengikut takwim yang ditetapkan.

ii. Penilaian Akhir (PA)

- Pengurusan dan pengendalian PA dilaksanakan di KV berdasarkan Panduan Pengurusan Pentaksiran SVM
- Pelaksanaan PA adalah berdasarkan kepada jadual waktu PA yang dikeluarkan oleh LP
- Murid wajib menduduki PA bagi semua MPA dan MPV

11. Berapakah wajaran bagi PB dan PA?

Mata Pelajaran	Pentaksiran Berterusan		Pentaksiran Akhir			
	Wajaran	Pelaksanaan	Wajaran	Pelaksanaan		
Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah	30%	Sepanjang Semester	70%	Sepanjang Semester		
Pendidikan Islam	70%	Sepanjang Semester	30%	10% Amali 20% Teori	Sepanjang Semester	
Pendidikan Moral	70%	Sepanjang Semester	30%		Sepanjang Semester	
Program Vokasional	70%	50% Amali 20% Teori	Sepanjang Semester	30%	20% Amali 10% Teori	Sepanjang Semester

12. Pihak manakah yang bertanggungjawab mengeluarkan traskrip dan sijil?

Pernyataan Keputusan semua matapelajaran SPM dikeluarkan oleh LP kepada murid yang lulus matapelajaran tersebut. Transkrip SVM pula dikeluarkan oleh LP kepada murid yang menamatkan pengajian, manakala Sijil SVM dikeluarkan oleh LP kepada murid yang memenuhi syarat-syarat pengajian.

13. Bagaimanakah pelajar hendak membuat rayuan semakan keputusan pentaksiran dan penilaian akhir?

Rayuan semakan keputusan penilaian akhir boleh dibuat oleh murid secara bertulis kepada LP melalui JKA KV dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan rasmi dikeluarkan dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh LP. Segala proses rayuan adalah tertakluk kepada tatacara yang terkandung di dalam Panduan Pengurusan Pentaksiran SVM yang dimaklumkan oleh LP

14. Apakah syarat persijilan Sijil Vokasional Malaysia?

Sijil SVM akan dikeluarkan oleh pihak LP kepada murid yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Lulus Bahasa Melayu 1104 SVM
- ii. PNGKA melebihi atau sama dengan 2.00
- iii. PNGKV melebihi atau sama dengan 2.67
- iv. Kompeten semua kursus vokasional

15. Apakah penyetaraan bagi Sijil Vokasional Malaysia?

- i. Bahasa Melayu 1104 SVM adalah setara dengan Bahasa Melayu 1103 SPM
- ii. Sejarah 1251 SVM adalah setara lulus Sejarah 1249 SPM
- iii. Kepujian satu MPPV adalah setara dengan kepujian satu mata Pelajaran elektif SPM

16. Apakah peruntukan AM bagi peraturan Akademik Sijil Vokasional Malaysia?

Peraturan Akademik ini tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan juga pindaan dari semasa ke semasa. KPM juga berhak untuk meminda sebarang peraturan dari semasa ke semasa.